

NEWS CLIPPING

EVENT	Peluang Tonton Aksi Bintang Dunia
PUBLICATION	Harian Metro
PAGE/SECTION	Arena
DATE	18 October 2018
TIME	-



DARI kiri bintang Cardiff Joe Ralls, Sean Morrison dan Alex Smithies ketika mempromosikan 'Cardiff City FC Blueberry Melawat Malaysia'.

Peluang tonton aksi bintang dunia

Kuala Lumpur: Anda peminat setia minuman Slurpee, peminat tegar bola sepak dan adakah anda minat mengambil gambar? Inilah masanya untuk anda berpeluang bercuti dengan percuma.

Caranya mudah dengan hanya tiga langkah anda akan berpeluang memenangi pakej perjalanan untuk dua orang menyaksikan perlawanan Liga Perdana Inggeris antara Cardiff City menentang Manchester United secara langsung di Stadium

Cardiff City pada 22 Disember ini.

Pertandingan yang diberi nama 'Cardiff City FC Blueberry Melawat Malaysia' itu akan berlangsung bermula esok sehingga 19 November.

Selain berpeluang menyaksikan perlawanan secara langsung itu, pemenang akan menerima dua tiket penerbangan, penginapan di hotel 4 bintang di Radisson Blue selain elaun akan diberikan.

Caranya mudah, anda hanya perlu memberi dua Slurpee Cardiff City FC Blueberry dalam satu resit (mana-mana saiz), tangkap gambar kreatif Slurpee Cardiff City FC Blueberry berlatar belakang pemandangan unik di Malaysia.

Kolajkan gambar anda dan resit pembelian kemudian

muat naik ke Facebook atau Instagram dengan hashtag #Slurpee+CardiffCityFCBlueberry+7ElevenMY.

Pengurus Pemasaran Am 7 Eleven Malaysia, Ronan Lee berkata, pertandingan ini adalah penghargaan kepada pelanggan setia.

"Pelanggan setia adalah keutamaan kami dan berseesuaian dengan tagline kami iaitu 'Sentiasa ada untuk anda'. Jadi peraduan ini adalah sebagai penghargaan atas sokongan sepenuh hati mereka.

"Kami berhasrat untuk terus menawarkan promosi yang menarik dan memperkaya pengalaman membeli-belah pelanggan kami yang setia," katanya.

Untuk maklumat lanjut boleh layari laman Facebook 7ElevenMalaysia.